

Ekspo Pengajian Tinggi sebagai Pusat Maklumat Sehenti



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Ekspo Pengajian Tinggi 2018 di Dewan BRIDEX 2, Jerudong (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkesempatan melawat pavilion-pavilion Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang turut serta dalam ekspo berkenaan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafillah Pg. Osman

JERUDONG, Sabtu, 10 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Bahagian Biasiswa menganjurkan Ekspo Pengajian Tinggi 2018 bertempat di Dewan BRIDEX 2, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya merasmikan ekspo tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga berkesempatan melawat pavilion-pavilion Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang turut serta dalam ekspo berkenaan.

Ekspo Pengajian Tinggi 2018 merupakan acara tahunan dengan fokus utama untuk menjadi Pusat

Maklumat Sehenti Mengenai Pengajian Tinggi (One stop Information Centre on Higher Education) yang akan menyatakan kesemua institusi-institusi pengajian pasca menengah, institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta serta agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negeri di bawah satu bumbung bagi memberikan gambaran mengenai lanskap pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi di negara ini.

Pemangku Timbalan Pendaftar Akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Hayatuddin bin Haji Moksin ketika ditemui berkata, UNISSA menawarkan

kursus baharu iaitu Sarjana Muda Sains Halal, Sarjana Sains Halal dan Kedoktoran dalam Pengurusan Halal.

Menurutnya, ekspo seumpama ini dapat membantu para pelajar yang berhasrat untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi untuk mengetahui lebih lanjut ke atas syarat-syarat memasuki ke sesuatu institusi selain mengetahui lebih lanjut akan kursus yang mereka minati.

Orang ramai dari dalam dan luar negara khususnya penuntut-penuntut lepasan 'O' dan 'A' Level atau kelulusan yang sebanding dengannya dan berhasrat untuk

mencruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti NTEC, HNTEC, Diploma Level 3, 4 dan 5, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran serta orang yang ingin mengembangkan kemahiran atau profesionalisme adalah dialu-alukan untuk menghadiri ekspo berkenaan.

Ekspo berakhir Ahad, 11 Februari dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Turut hadir, Pcmangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kementerian, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

Pendidikan Inklusif bagi pelajar berkeperluan khas



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh ketika menyampaikan sijil kepada penerima pada Majlis Penyampaian Sijil Program Pra-Vokasional Sesi 2013 - 2017 dan Penyampaian Hadiah Peraduan Membaca dan Membraille dalam Kod Braille sempena Hari Braille Sedunia 2018 (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan semasa bergambar ramai bersama pelajar-pelajar yang menyertai Peraduan Membaca dan Membraille Ayat dalam Kod Braille.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Februari. - Kementerian Pendidikan telah mengamalkan dasar pendidikan khas yang berasaskan prinsip Pendidikan Inklusif.

Pelajar-pelajar berkeperluan khas diberi peluang untuk mengikuti pembelajaran bersama-sama dengan rakan-rakan sebaya mereka di sekolah umum.

Demikian jelas Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia

Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Program Pra-Vokasional Sesi 2013 - 2017 dan Penyampaian Hadiah Peraduan Membaca dan Membraille dalam Kod Braille sempena Hari Braille Sedunia 2018, yang berlangsung di Dewan Mahligai, Airport Mall, Berakas.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) pada tahun

2009, telah memberikan pelbagai laluan bagi pelajar untuk memilih program-program pembelajaran yang bersesuaian mengikut kecenderungan minat serta keupayaan berdasarkan perkembangan dan kemampuan masing-masing.

"Pada tahun 2017, sejumlah 1,005 pelajar di sekolah-sekolah menengah kerajaan yang berkeperluan khas dari segi pembelajaran, komunikasi, pertuturan, penglihatan, pendengaran, autisme, fizikal, emosi, kelakuan tingkah laku, perkembangan intelek dan isu

kesihatan sedang menuntut dalam suasana persekolahan inklusif," jelasnya.

Pengajaran Kod Braille terangnya, memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar berkeperluan khas dalam penglihatan dalam kemahiran literasi. Oleh itu, sokongan para ibu bapa dan penjaga adalah penting dalam sama-sama menayakan dan menghasilkan impak yang positif terhadap kemahiran literasi mereka.

Seramai 91 pelajar berjaya menamatkan kursus program lima tahun, iaitu dari 2013 hingga 2017

manakala sebanyak 17 institusi kerajaan dan swasta yang telah terlibat mencirikan peluang dan ruang bagi pelajar-pelajar pra-vokasional memperoleh pengalaman suasana alam pekerjaan.

Program ini bertujuan untuk menyediakan pembelajaran yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri khusus untuk membolehkan mereka mendapat kemahiran akademik berfungsi, kemahiran kerja dan asas vokasional, kemahiran komunikasi, kemahiran sosial dan kemahiran hidup berdikari.